

Munsyi ada motif dakwa menteri terbabit PKPM

UM - 5 AUG 2003

PULAU PINANG 4
ogos — Ketua Turus
Umum Pasukan Tin-
dakan Cemas Malaysia
(PTCM), Munsyi Muslim
Yacob mungkin mempun-
yai motif tertentu apabi-
la terus mendakwa terda-
pat pembabitan seorang
menteri Kabinet dalam
Pasukan Khas Persekutu-
an Malaysia (PKPM).

Menteri Pertahanan
Datuk Seri Najib Tun
Razak berkata, Munsyi
dipercayai cuba mengalih
pandangan masyarakat
terhadap perkara sebenar
berkaitan PKPM.

Beliau yang tidak me-
ngulas lanjut motif yang
dimaksudkannya mene-
gaskan, sepanjang penge-
tahuannya tiada laporan
diterima kemungkinan
ada menteri menaja per-
tubuhan haram tersebut.

“Sesiapa pun boleh
mendakwa tetapi mana

buktinya. Saya tidak pandangan terhadap PK-
nampak kemungkinan PM,” katanya ketika di-
Kabinet nak menaja per- hubunginya hari ini.
tubuhan haram seperti Beliau mengulas ke-
nyataan Munsyi bahawa

“Dia (Munsyi) boleh dia mempunyai bukti ber-
jadi mempunyai motif ter- tulis yang cukup berhubu-
tentu iaitu nak alihkan ng dakwaan pembabitan

seorang menteri dalam
PKPM.

Menurut laporan akh-
bar hari ini, Ketua Turus
Umum PTCM itu membe-
ritahu dia turut mempun-
yai saksi dari kalangan
agensi kerajaan yang ber-
sedia memberi kenyataan
bagi membuktikan kebe-
narannya di pihaknya.

Kenyataan Munsyi itu
menyusul selepas Perda-
na Menteri Datuk Seri Dr.
Mahathir Mohamad ma-
hukannya membuktikan
dakwaan berhubung dak-
waan tersebut.

Sambil menyifatkan
dakwaan itu serius, Dr.
Mahathir menegaskan,
kerajaan akan mengambil
tindakan undang-undang
ke atasnya jika dia gagal
membuktikan dakwaan
itu.

Dalam pada itu, Mente-
ri di Jabatan Perdana
Menteri Datuk Seri Dr.

Rais Yatim ketika dihu-
bunginya berkata, Munsyi bo-
leh didakwa di bawah
jenayah memtitnah jika
dengan sengaja melemp-
arkan tuduhan terhadap
orang lain tanpa bukti
kukuh.

Katanya, jika sabit ke-
salahan, dia boleh dihu-
kum penjara antara dua
hingga lima tahun.

Sehingga kelmarin, se-
ramai 2,851 anggota
PKPM yang dibongkar
kegiatan mereka minggu
lepas, menyerah diri dan
disiasat berhubung pem-
babitan mereka dalam
kumpulan tersebut.

Ketua PKPM, Nor Aza-
mi Ahmad Ghazali, 35
yang ditahan di Pantai
Dalam, Kuala Lumpur se-
belum ini merupakan be-
kas anggota PTCM yang
disingkirkan kerana ma-
salah disiplin.